

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001**

September /Oktober 2000

VLP 229 – Teater Teknikal II – Tata Cahaya

Masa: [3 jam]

Arahan:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi enam [6] soalan dan dua [2] muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 2. Jawab lima [5] soalan sahaja.
 3. Setiap soalan bernilai 100 markah.
-

1. Dengan menggunakan rajah dan pengiraan terangkan:
 - i) arus di dalam litar bersiri
 - ii) voltan di dalam litar bersiri
 - iii) tenaga di dalam litar bersiri
 - iv) arus di dalam litar berselari
 - v) voltan dalam litar berselari

2. Anda dilantik sebagai pereka cahaya untuk sebuah drama yang berlokasi di laman sebuah rumah kampung yang mempunyai pohon-pohon yang rendah di persekitarannya. Aksi cerita ini berlaku di waktu siang, senja dan malam. Berdasarkan kepada maklumat di atas lukiskan sebuah *light plot* lengkap dengan *instrument schedule*.

3. Huraikan komponen sistem bunyi untuk menampung keperluan sebuah drama muzikal yang menggunakan *live music* dari sebuah orkestra *big band*. Anda juga mesti mengambil perhatian tentang kualiti bunyi dan keselesaan pendengaran penonton.

4. Dengan menggunakan rajah dan keterangan bertulis, huraikan mekanisma pancaran cahaya empat jenis lampu yang digunakan di dalam teater.

5. Bincangkan konsep pencahayaan untuk pentas, filem/tv dan fotografi.

6. Sebagai perunding cahaya, anda ditugas untuk menasihati pihak pemaju tentang keperluan lampu teater, sistem pemalapan, tempat gantung lampu dan bilangan, jenis dan penempatan *electrical points*. Tuliskan cadangan anda dengan menggunakan rajah dan keterangan bertulis.